



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Perlembagaan (Pindaan) 1981
DR.9/1981

Naskhah sahli—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perlembagaan (Pindaan) 1981.

Tajuk
ringkas.

2. (1) Fasal (2) Perkara 42 Perlembagaan adalah dipinda dengan memasukkan perkataan-perkataan "dan tanpa menyentuh mana-mana peruntukan undang-undang persekutuan berhubung dengan remitan hukuman kerana berkelakuan baik atau khidmat khas," selepas sahaja perkataan-perkataan "Tertaklok kepada Fasal (10),".

Pindaan bagi
Perkara 42
Perlembagaan.

(2) Apa-apa remitan kerana berkelakuan baik atau khidmat khas yang dibenarkan oleh undang-undang persekutuan dan yang diberi sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini hendaklah disifatkan sebagai telah diberi dengan sahnya.

3. Perkara 45 Perlembagaan adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja Fasal (3) Fasal (3A) baru yang berikut :

Pindaan bagi
Perkara 45.

"(3A) Seseorang ahli Dewan Negara tidak boleh memegang jawatan lebih daripada dua tempoh sama ada terus-menerus atau selainnya :

Dengan syarat bahawa jika seseorang yang telahpun tamat dua tempoh jawatan atau lebih sebagai ahli Dewan Negara adalah sebelum sahaja

mula berkuatkuasanya Fasal ini seorang ahli Dewan Negara maka ia bolehlah terus berkhidmat sebagai ahli sedemikian itu selama baki tempohnya.”

Pindaan bagi
Perkara 52.

4. Perlembagaan adalah dipinda—

(a) dengan menomborkan semula Perkara 52 sebagai Fasal (1) Perkara 52; dan

(b) dengan menambah selepas sahaja Fasal (1) Perkara 52 Fasal (2) baru yang berikut:

“(2) Seseorang ahli mana-mana satu Majlis Parlimen yang telah diberi kebenaran tidak hadir dalam persidangan-persidangan Majlis yang ianya menjadi ahli tidaklah boleh, selama tempoh kebenaran itu, menyertai dengan apajua cara hal-ehwal dan urusan Majlis itu.”

Pindaan bagi
Perkara 56.

5. Perkara 56 Perlembagaan adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “tidak boleh” dalam Fasal (1) perkataan-perkataan “, tertakluk kepada Fasal (3),”;

(b) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “Dewan Negara” dalam Fasal (2) perkataan-perkataan “, atau apabila hilang-kelayakan di bawah Fasal (5),”;

(c) dengan menggantikan Fasal (3) dengan yang berikut:

“(3) Dalam masa berlaku suatu kekosongan dalam jawatan Yang di-Pertua atau dalam masa Yang di-Pertua tidak hadir dalam sesuatu persidangan, maka Timbalan Yang di-Pertua atau, jika Timbalan Yang di-Pertua juga tidak hadir atau jika jawatannya juga kosong, seseorang ahli lain sebagaimana ditetapkan oleh kaedah-kaedah acara Dewan Negara bolehlah menjalankan tugas sebagai Yang di-Pertua.”; dan

(d) dengan menambah selepas sahaja Fasal (4) Fasal (5) dan (6) baru yang berikut:

“(5) Seseorang ahli yang dipilih menjadi Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua adalah hilang-kelayakan dari memegang jawatan itu jika tiga bulan selepas dipilih memegang jawatan itu atau pada bila-bila masa selepas itu ia menjadi ahli mana-mana lembaga pengarah atau lembaga pengurusan, atau seorang pegawai atau pekerja, atau melibatkan diri dalam hal-hwal atau urusan, sesuatu pertubuhan atau badan, sama ada diperbadankan atau sebaliknya, atau sesuatu pengusahaan perdagangan, perindustrian atau lain-lain pengusahaan, sama ada ia menerima atau mendapat atau tidak apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya:

Dengan syarat bahawa hilang-kelayakan itu tidak boleh dipakai jika pertubuhan atau badan itu menjalankan apa-apa kerja kebajikan atau sukarela atau tujuan yang berfaedah kepada masyarakat atau mana-mana bahagiannya, atau apa-apa kerja atau tujuan lain berupa khairat atau sosial, dan ahli itu tidak menerima atau mendapat apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah.

(6) Jika timbul sesuatu soal mengenai hilang-kelayakan Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua di bawah Fasal (5) Dewan Negara hendaklah mengambil keputusan mengenainya dan keputusan itu adalah muktamad.”.

6. Perkara 57 Perlembagaan adalah dipinda—

Pindaan bagi
Perkara 57.

(a) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “tidak boleh” dalam Fasal (1) perkataan-perkataan “, tertakluk kepada Fasal (3),”;

(b) dengan memasukkan selepas sahaja perenggan (b) Fasal (2) perenggan baru (bb) yang berikut—

“(bb) apabila ia hilang-kelayakan di bawah fasal (5);”;

- (c) dengan menggantikan Fasal (3) dengan yang berikut:

“(3) Dalam masa berlaku suatu kekosongan dalam jawatan Yang di-Pertua atau dalam masa Yang di-Pertua tidak hadir dalam sesuatu persidangan, lain daripada oleh sebab Dewan itu bermesyuarat pada pertama kalinya selepas pilihanraya umum, maka Timbalan Yang di-Pertua atau, jika Timbalan Yang di-Pertua juga tidak hadir atau jika jawatannya juga kosong, seseorang ahli lain sebagaimana ditetapkan oleh kaedah-kaedah acara Dewan itu bolehlah menjalankan tugas sebagai Yang di-Pertua.”; dan

- (d) dengan menambah selepas sahaja Fasal (4) Fasal (5) dan (6) baru yang berikut:

“(5) Seseorang yang dipilih menjadi Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua adalah hilang-kelayakan dari memegang jawatan itu jika tiga bulan selepas dipilih memegang jawatan itu atau pada bila-bila masa selepas itu ia menjadi ahli mana-mana lembaga pengarah atau lembaga pengurusan, atau seorang pegawai atau pekerja, atau melibatkan diri dalam hal-ehwal atau urusan, sesuatu pertubuhan atau badan, sama ada diperbadankan atau sebaliknya, atau sesuatu pengusahaan perdagangan, perindustrian atau lain-lain pengusahaan, sama ada ia menerima atau mendapat atau tidak apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya:

Dengan syarat bahawa hilang-kelayakan itu tidak boleh dipakai jika pertubuhan atau badan itu menjalankan apa-apa kerja kebajikan atau sukarela atau tujuan yang berfaedah kepada masyarakat atau mana-mana bahagiannya, atau apa-apa kerja atau tujuan lain berupa khairat atau sosial, dan ahli itu tidak menerima atau mendapat apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah.

(6) Jika timbul sesuatu soal mengenai hilang-kelayakan Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua di bawah Fasal (5) Dewan Rakyat hendaklah mengambil keputusan mengenainya dan keputusan itu adalah muktamad.”.

7. Perkara 89 Perlembagaan adalah dipinda—

Pindaan bagi
Perkara 89.

- (a) dengan memasukkan selepas sahaja Fasal (1) Fasal (1A) baru yang berikut:

“(1A) Sesuatu undang-undang yang dibuat di bawah Fasal (1) yang membuat peruntukan mengenai perlucutan hak atau perkembalian kepada Pihak Berkuasa Negeri, atau mengenai perlucutan, keempunyaan sesuatu tanah rezab orang Melayu, atau sesuatu hak atau kepentingan mengenainya, disebabkan seseorang, atau sesuatu perbadanan, syarikat atau lain-lain badan (sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan) yang memegangnya terhenti menjadi layak atau kompeten di bawah undang-undang berkaitan yang berhubung dengan tanah rezab orang Melayu untuk memegangnya, tidak boleh menjadi terbatal semata-mata oleh sebab berlawanan dengan Perkara 13.”; dan

- (b) dalam Fasal (3), dengan menambah perkataan-perkataan “dan hendaklah, mengikut undang-undang yang ada, dengan serta-merta mengisytiharkan sebagai tanah rezab orang Melayu, jika mana-mana tanah terhenti menjadi tanah rezab orang Melayu, mana-mana tanah lain yang serupa jenisnya dengan tanah itu dan seluas tidak lebih daripada luas tanah itu” selepas perenggan (b) dan dengan memansuhkan perenggan (c).

8. Perkara 114 Perlembagaan adalah dipinda—

Pindaan bagi
Perkara 114.

- (a) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan “pengerusi” dalam Fasal (1) perkataan-perkataan “, seorang timbalan pengerusi”;

- (b) dengan menggantikan perkataan “boleh” dalam Fasal (4) dengan perkataan “hendaklah”;

(c) dengan menggantikan perenggan (b) Fasal (4) dengan perenggan (b) baru yang berikut:

“(b) menjadi seorang ahli mana-mana lembaga pengarah atau lembaga pengurusan, atau seorang pegawai atau pekerja, atau melibatkan diri dalam hal-hwal atau urusan, sesuatu pertubuhan atau badan, sama ada diperbadankan atau sebaliknya, atau sesuatu pengusahaan perdagangan, perindustrian atau lain-lain pengusahaan, sama ada ia menerima atau mendapat atau tidak apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya; atau”;

(d) dengan memasukkan selepas sahaja Fasal (4) Fasal (4A) baru yang berikut:

“(4A) Hilang-kelayakan dalam perenggan (b) Fasal (4) tidak boleh dipakai jika pertubuhan atau badan itu menjalankan apa-apa kerja kebajikan atau sukarela atau tujuan yang berfaedah kepada masyarakat atau mana-mana bahagiannya, atau apa-apa kerja atau tujuan lain berupa khairat atau sosial, dan ahli itu tidak menerima atau mendapat apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah.”; dan

(e) dengan memasukkan perkataan-perkataan “maka timbalan pengerusi hendaklah menjalankan tugas-tugas pengerusi dalam masa tempoh itu, dan jika timbalan pengerusi juga tidak ada atau tidak berupaya menjalankan tugas-tugas itu,” selepas sahaja perkataan-perkataan “untuk menjalankan tugas-tugasnya,” dalam Fasal (7).

Pindaan bagi
Perkara 139.

9. (1) Perkara 139 Perlembagaan adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas sahaja huruf “(c)” dalam Fasal (1) huruf “(e)”;

(b) dengan memasukkan selepas sahaja Fasal (1) Fasal (1A) baru yang berikut:

“(1A) Bidangkuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam hendaklah meliputi—

(a) anggota-anggota perkhidmatan awam am Persekutuan yang diambil bekerja

dalam sesuatu jabatan persekutuan di Negeri Sabah atau Sarawak;

(b) anggota-anggota perkhidmatan awam Negeri Sabah atau Sarawak yang dipinjamkan ke perkhidmatan awam am Persekutuan; dan

(c) anggota-anggota perkhidmatan awam Negeri Sabah atau Sarawak yang berkhidmat dalam jawatan-jawatan persekutuan atau dalam mana-mana jawatan yang dijadikan jawatan persekutuan di Negeri itu dan yang telah membuat pilihan untuk menjadi anggota-anggota perkhidmatan awam am Persekutuan.”; dan

(c) dalam Fasal (4), dengan memotong perkataan-perkataan “Tertaklok kepada Perkara 146B” dan dengan menggantikan perkataan-perkataan “dua belas” dengan perkataan-perkataan “tiga puluh”.

(2) Walau apapun yang terkandung dalam Perlembagaan atau Perlembagaan Negeri Sabah atau Sarawak, mana-mana anggota perkhidmatan awam Negeri Sabah atau Sarawak yang berkhidmat dalam mana-mana jawatan persekutuan atau dalam mana-mana jawatan yang dijadikan jawatan persekutuan di Negeri itu dan yang telah membuat, mengikut apa jua cara atau dalam apa jua bentuk, apa-apa pilihan yang ditawarkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk menjadi anggota perkhidmatan awam am Persekutuan hendaklah disifatkan sebagai telah memilih dan kerana itu ditukar atau dilantik menjadi anggota perkhidmatan awam Persekutuan.

10. (1) Perlembagaan adalah dipinda dengan memansuhkan Perkara 141.

Pemansuhan
Perkara 141.

(2) Sebaik sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini—

(a) apa-apa perkara atau pembicaraan mengenai seseorang ahli perkhidmatan keretapi yang menantikan keputusan Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi hendaklah diteruskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;

- (b) apa-apa perwakilan yang dibuat kepada mana-mana orang atau Jumaah oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi di bawah Fasal (6) Perkara 144 hendaklah terus mempunyai kuatkuasa sepenuhnya melainkan jika dibatalkan sebaliknya;
- (c) perlantikan mana-mana orang sebagai ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi hendaklah terhenti berkuatkuasa; dan
- (d) apa-apa sebutan mengenai Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi dalam mana-mana undang-undang bertulis hendaklah diertikan sebagai sebutan mengenai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Pindaan bagi Perkara 142. **11. Perkara 142 Perlembagaan adalah dipinda—**

(a) dalam Fasal (2), dengan menggantikan perkataan-perkataan “dan juga tidak boleh terus menjadi ahli mana² Surohanjaya itu” dengan perkataan-perkataan “dan hendaklah dipecat dengan perintah Yang di-Pertuan Agong” dan dengan menggantikan perenggan (b) dengan yang berikut:

“(b) seorang ahli mana-mana lembaga pengarah atau lembaga pengurusan, atau seorang pegawai atau pekerja, atau melibatkan diri dalam hal-ehwal atau urusan, sesuatu pertubuhan atau badan, sama ada diperbadankan atau sebaliknya, atau sesuatu pengusahaan perdagangan, perindustrian atau lain-lain pengusahaan, sama ada ia menerima atau mendapat atau tidak apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya;”;

(b) dengan memasukkan selepas sahaja Fasal (2) Fasal (2A) baru yang berikut:

“(2A) Hilang-kelayakan dalam perenggan (b) Fasal (2) tidak boleh dipakai jika pertubuhan atau badan itu menjalankan apa-apa kerja kebajikan atau sukarela atau tujuan yang berfaedah kepada masyarakat atau mana-mana bahagiannya, atau apa-apa kerja

atau tujuan lain berupa khairat atau sosial, dan ahli itu tidak menerima atau mendapat apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah.”; dan

(c) dengan memasukkan selepas sahaja Fasal (3) Fasal (3A) baru yang berikut:

“(3A) Jika, dalam masa sesuatu tempoh, pengerusi mana-mana Suruhanjaya tersebut telah diberi kebenaran bercuti oleh Yang di-Pertuan Agong atau adalah tidak berupaya, oleh kerana ianya tidak ada dalam Persekutuan, sakit atau apa-apa sebab lain untuk menjalankan tugas-tugasnya, maka timbalan pengerusi Suruhanjaya itu hendaklah menjalankan tugas-tugas pengerusi dalam masa tempoh itu, dan jika timbalan pengerusi juga tidak ada atau tidak berupaya menjalankan tugas-tugas itu, maka seorang ahli Suruhanjaya itu boleh dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong untuk menjalankan tugas-tugas pengerusi itu dalam masa tempoh itu.”.

12. Perkara 143 Perlembagaan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “Sa-saorang” di permulaan Fasal (1) dengan perkataan-perkataan “Kecuali sebagaimana diperuntukkan di bawah Fasal (2) Perkara 142, seseorang”.

Pindaan bagi seksyen 143.

13. Perlembagaan adalah dipinda dengan memansuhkan Perkara-perkara 146B dan 146C.

Pemansuhan perkara-perkara 146B dan 146C.

14. Fasal (1) Perkara 149 Perlembagaan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “atau 10” dengan perkataan “, 10 atau 13”.

Pindaan bagi Perkara 149.

15. Perkara 150 Perlembagaan adalah dipinda—

Pindaan bagi Perkara 150.

(a) dengan menggantikan Fasal-fasal (1) dan (2) dengan yang berikut:

“(1) Jika Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa suatu darurat besar yang sedang berlaku dan keselamatan, atau kehidupan ekonomi, atau ketenteraman awam dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya adalah terancam oleh kerananya, maka Yang

di-Pertuan Agong boleh mengeluarkan suatu Perisytiharan Darurat dengan membuat dalamnya pengumuman yang bermaksud sedemikian.

(2) Perisytiharan Darurat di bawah Fasal (1) boleh dikeluarkan sebelum sebenarnya berlaku kejadian yang mengancamkan keselamatan, atau kehidupan ekonomi, atau ketenteraman awam dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya jika Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa ada kemungkinan yang hampir akan berlakunya kejadian yang mengancamkan itu.”;

(b) dengan memasukkan selepas sahaja Fasal (2) Fasal-fasal (2A), (2B) dan (2C) baru yang berikut:

“(2A) Kuasa yang diberi kepada Yang di-Pertuan Agong oleh Perkara ini hendaklah termasuk kuasa mengeluarkan Perisytiharan-perisytiharan yang berlainan atas alasan-alasan yang berlainan atau dalam hal-hal keadaan yang berlainan, sama ada suatu Perisytiharan atau Perisytiharan-perisytiharan telahpun dikeluarkan atau tidak oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Fasal (1) dan Perisytiharan atau Perisytiharan-perisytiharan itu ada berkuatkuasa.

(2B) Jika pada bila-bila masa semasa Perisytiharan Darurat berkuatkuasa, kecuali apabila kedua-dua Majlis Parlimen bersidang serentak, Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa ada hal-hal keadaan tertentu yang menyebabkan perlu baginya mengambil tindakan segera, maka Yang di-Pertuan Agong boleh mengisytiharkan apa-apa ordinan sebagaimana Yang di-Pertuan Agong berpendapat adalah dikehendaki oleh hal-hal keadaan.

(2C) Sesuatu ordinan yang diisytiharkan di bawah Fasal (2B) hendaklah berkuatkuasa sama seperti Akta Parlimen dan hendaklah terus berkuatkuasa sepenuhnya seolah-olah ianya Akta Parlimen sehingga ianya dibatalkan atau dimansuhkan di bawah Fasal (3)

atau sehingga ianya luput di bawah Fasal (7); dan kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk mengisytiharkan ordinan-ordinan di bawah Fasal (2B) boleh dijalankan berhubungan dengan apa-apa perkara yang Parlimen berkuasa membuat undang-undang mengenai, tidak kira acara perundangan atau lain-lain acara yang dikehendaki diikuti, atau bahagian dari jumlah undi yang dikehendaki diperolehi, dalam mana-mana satu Majlis Parlimen.”;

(c) dengan menggantikan perkataan “Fasal (2)” di mana jua ianya terdapat dalam Fasal (3) dengan perkataan “Fasal (2B)”; dan

(d) dengan menambah selepas sahaja Fasal (7) Fasal-fasal (8) dan (9) baru yang berikut:

“(8) Walau apapun yang terkandung dalam Perlembagaan ini—

(a) puas hati Yang di-Pertuan Agong yang disebut dalam Fasal (1) dan Fasal (2B) adalah terakhir dan muktamad dan tidak boleh dicabar atau dipersoal dalam mana-mana mahkamah atas apa-apa alasan; dan

(b) tiada sesuatu mahkamahpun boleh mempunyai bidangkuasa untuk melayan atau memutuskan apa-apa permohonan, persoalan atau pembicaraan, dalam apa jua bentuk, atas apa-apa alasan, mengenai sahny—

(i) Perisytiharan di bawah Fasal (1) atau pengumuman yang dibuat dalam Perisytiharan itu yang bermaksud sebagaimana dinyatakan dalam Fasal (1);

(ii) kuatkuasa berterusan Perisytiharan itu;

(iii) apa-apa ordinan yang diisytiharkan di bawah Fasal (2B); atau

(iv) penerusan kuatkuasa mana-mana ordinan itu.

(9) Bagi maksud Perkara ini Majlis-majlis Parlimen hendaklah dianggap sebagai bersidang hanya jika ahli tiap-tiap satu Majlis itu masing-masingnya berhimpun bersama dan menjalankan urusan Majlis itu.”

Pindaan
bagi Jadual
Kelapan.

16. Seksyen 10 Jadual Kelapan kepada Perlembagaan adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “Dewan Negeri” dalam seksyen-kecil (2) perkataan-perkataan “atau apabila hilang-kelayakan di bawah seksyen-kecil (4),”; dan

(b) dengan menambah selepas sahaja seksyen-kecil (3) seksyen-kecil (4) dan (5) baru yang berikut :

“(4) Seseorang ahli yang dipilih menjadi Yang di-Pertua adalah hilang-kelayakan dari memegang jawatan itu jika tiga bulan selepas dipilih memegang jawatan itu atau pada bila-bila masa selepas itu ia menjadi ahli mana-mana lembaga pengarah atau lembaga pengurusan, atau seorang pegawai atau pekerja, atau melibatkan diri dalam hal-ehwal atau urusan, sesuatu pertubuhan atau badan, sama ada diperbadankan atau sebaliknya, atau sesuatu pengusahaan perdagangan, perindustrian atau lain-lain pengusahaan, sama ada ia menerima atau mendapat atau tidak apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya :

Dengan syarat bahawa hilang-kelayakan itu tidak boleh dipakai jika pertubuhan atau badan itu menjalankan apa-apa kerja kebajikan atau sukarela atau tujuan yang berfaedah kepada masyarakat atau mana-mana bahagiannya atau apa-apa kerja atau tujuan lain berupa khairat atau sosial, dan ahli itu tidak menerima atau mendapat apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah.

(5) Jika timbul sesuatu soal mengenai hilang-kelayakan Yang di-Pertua di bawah seksyen-kecil (4) Dewan Negeri hendaklah mengambil keputusan mengenainya dan keputusan itu adalah muktamad.”.

17. Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan adalah dipinda—

Pindaan
bagi Jadual
Kesembilan.

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Kecuali berkenaan dengan Sabah dan Sarawak, dan tertakluk” dalam butiran 26 Senarai 1 dengan perkataan “Tertakluk”;
- (b) dengan memotong butiran 19 Senarai 2A; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Kecuali mengenai Sabah dan Sarawak, langkah-langkah” dalam butiran 9A Senarai 3 dengan perkataan-perkataan “Langkah-langkah”.

18. Jadual Kespuluh kepada Perlembagaan adalah dipinda—

Pindaan
bagi Jadual
Kespuluh.

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “dan hendak-lah berdasarkan” dan perkataan-perkataan yang terdapat selepas itu dalam seksyen-kecil (1) seksyen 1 dengan yang berikut:

“dan hendaklah berdasarkan unjuran-unjuran bilangan penduduk bagi Negeri itu sebagaimana ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan dan dikira seperti pada bancian bilangan penduduk yang akhir;

Dengan syarat bahawa jika bancian yang akhir itu telah dijalankan satu tahun sebelum permulaan tahun kewangan, maka pemberian bagi tahun tertentu itu hendaklah berdasarkan bilangan penduduk sebagaimana ditentukan oleh bancian bilangan penduduk itu.”;

- (b) dengan memotong perkataan-perkataan “, termasuk belanja membaiki dan menyenggara apa² jambatan, viadak atau pembetong yang menjadi sa-bahagian daripada jalan itu atau yang berhubung dengan-nya” dalam perenggan (a) seksyen 2;

(c) dengan menggantikan seksyen 3 dengan yang berikut—

“3. Bagi maksud seksyen 2—

(a) panjangnya jalan-jalan Negeri, mengikut kira batu, dalam sesuatu Negeri, ialah panjangnya jalan-jalan Negeri itu, mengikut kira batu, yang ada pada tiga puluh satu haribulan Disember dalam tahun kewangan yang dahulunya, dan belanja hitung panjang yang tersebut dalam perenggan (a) seksyen tersebut ialah belanja hitung panjang dalam Negeri itu yang dikira dalam tahun kewangan yang dahulunya; dan

(b) penyenggaraan jalan-jalan Negeri ertinya pemeliharaan, penjagaan dan pemuliharaan jalan-jalan Negeri, perabot tepi jalan, jambatan, viaduk atau pembetong yang menjadi sebahagian daripada jalan itu atau yang berhubung dengannya dengan seberapa hampir yang boleh dengan keadaan asalnya sebagaimana dibina atau sebagaimana dibaiki kemudiannya.”;

(d) dengan memotong semua perkataan yang terdapat selepas perkataan-perkataan “daripadanya ada-lah layak mendapat pemberian” dalam seksyen 4;

(e) dengan menggantikan seksyen 5 dengan yang berikut:

“5. Dalam Bahagian ini dalam Jadual ini, “jalan Negeri” ertinya mana-mana jalan awam, lain daripada jalan persekutuan, dan mana-mana jalan lain, lain daripada jalan persekutuan yang boleh dilalui oleh awam.”; dan

(f) dengan menggantikan perenggan (a) seksyen-kecil (2) seksyen 6 dengan yang berikut—

“(a) mutu minimum yang tersebut dalam seksyen 2 (a) ialah mutu minimum yang ditetapkan bagi jalan-jalan Negeri dalam Negeri itu.”;

19. (1) Perlembagaan adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan “Gabnor²” di mana jua perkataan itu terdapat dalamnya dengan perkataan-perkataan “Yang di-Pertua Yang di-Pertua Negeri”; dan

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Negeri Borneo” atau “Negeri² Borneo” dengan perkataan-perkataan “Negeri Sabah dan Sarawak” dan juga perkataan-perkataan “suatu Negeri Borneo” atau “sa-suatu Negeri Borneo” dengan perkataan-perkataan “Negeri Sabah atau Sarawak” di mana jua ianya terdapat dalam Perlembagaan.

Pindaan bagi perkataan-perkataan “Gabnor²”, “Negeri² Borneo”, dll yang terdapat dalam Perlembagaan.

(2) Pindaan ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 27hb Ogos 1976.

HURAIAN

1. Rang Undang-undang ini bertujuan meminda peruntukan-peruntukan tertentu dalam Perlembagaan Persekutuan.

2. *Fasal 2* Rang Undang-undang bertujuan meminda *Fasal (2) Perkara 42* Perlembagaan agar peruntukan-peruntukan undang-undang yang sedia ada yang membolehkan pegawai-pegawai penjara memberi remitan kepada pesalah-pesalah kerana berkelakuan baik, dan yang membolehkan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memberi remitan kerana khidmat-khidmat yang istimewa, bolehlah terus berkuatkuasa oleh kerana tidaklah praktik bagi perkara-perkara seperti itu diuruskan oleh Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri sesuatu Negeri. *Fasal-kecil (2) Fasal* ini tidak membatalkan remitan seperti itu yang diberi sebelum mula berkuatkuasanya pindaan yang dibuat ini.

3. *Fasal 3* Rang Undang-undang bertujuan meminda *Perkara 45* Perlembagaan dengan memasukkan *Fasal baru (3A)* yang menurutnya seorang ahli Dewan Negara tidak boleh memegang jawatan selama lebih daripada dua tempoh sama ada terus-menerus atau sebaliknya. Bagaimanapun, suatu proviso kepada *Fasal baru* itu akan membolehkan seorang ahli yang ada sekarang terus berkhidmat bagi baki tempohnya yang sekarang ini walaupun ia mungkin telahpun tamat dua tempoh jawatan atau lebih.

4. *Fasal 4* Rang Undang-undang bertujuan meminda *Perkara 52* Perlembagaan dengan menambah satu *Fasal baru (2)* yang menurutnya seseorang ahli mana-mana satu Majlis Parlimen yang telah diberi kebenaran tidak hadir tidaklah boleh, selama tempoh kebenaran itu, menyertai dengan apa jua cara hal-ehwal dan urusan Majlis itu.

5. *Fasal 5* Rang Undang-undang bertujuan meminda Perkara 56 Perlembagaan dengan menggantikan Fasal (3) dan menambah Fasal baru (5) dan (6).

Fasal (3) sebagaimana diganti membuat peruntukan menguruskan sesuatu kekosongan dalam jawatan Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua.

Fasal baru (5) dan (6) akan menghilangkan kelayakan Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua dari memegang jawatan itu jika tiga bulan selepas ia dipilih memegang jawatan itu atau pada bila-bila masa selepas itu ia melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti perniagaan, dikecualikan jika pertubuhan atau badan yang ia terlibat itu menjalankan kerja kebajikan dan ahli itu tidak menerima atau mendapat apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya. Apa-apa soal sama ada hilang-kelayakan itu berbangkit atau tidak akan diputuskan oleh Dewan Negara dan keputusannya adalah muktamad.

6. *Fasal 6* Rang Undang-undang bertujuan meminda Perkara 57 Perlembagaan mengenai Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat mengikut garisan yang sama seperti *Fasal 5* Rang Undang-undang yang meminda Perkara 56 mengenai Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.

7. *Fasal 7* Rang Undang-undang bertujuan meminda Perkara 89 Perlembagaan dengan memasukkan Fasal baru (1A) dan juga dengan meminda Fasal (3) yang sedia ada dalam Perkara itu.

Fasal baru (1A) akan melindungi berkeperlembagaan sesuatu peruntukan dalam mana-mana undang-undang berhubung dengan tanah rezab orang Melayu yang mana seseorang atau badan adalah terlucut keempunyaan mana-mana tanah rezab orang Melayu atau apa-apa hak atau kepentingan mengenainya apabila terhenti menjadi layak atau kompeten memegang tanah rezab orang Melayu; Fasal itu juga melindungi berkeperlembagaan mana-mana peruntukan yang membuat peruntukan mengenai perlucutan hak atau perkembalian keempunyaan mana-mana tanah rezab orang Melayu atau apa-apa hak atau kepentingan mengenainya kepada Pihak Berkuasa Negeri atas sebab yang sama.

Pindaan kepada Fasal (3) Perkara ini akan memastikan bahawa jika mana-mana tanah terhenti menjadi tanah rezab orang Melayu maka tanah lain yang serupa jenis dan luasnya dengan tanah itu akan dengan serta-merta diisytiharkan sebagai tanah rezab orang Melayu.

8. *Fasal 8* Rang Undang-undang bertujuan meminda Perkara 114 Perlembagaan agar orang itu hilang-kelayakan dari menjadi ahli Suruhanjaya Pilihanraya jika ia melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti perniagaan, dikecualikan jika pertubuhan atau badan yang ia terlibat itu menjalankan kerja kebajikan dan ahli itu tidak menerima atau mendapat apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya.

Perenggan (a) dan (e) dalam Fasal ini bertujuan meminda Fasal (1) dan (7) Perkara 114 Perlembagaan dengan membuat peruntukan mengenai perlantikan timbalan pengerusi dan juga peruntukan sekiranya timbalan pengerusi tidak ada atau tidak berupaya menjalankan tugas.

9. *Fasal 9 Rang Undang-undang bertujuan meminda Perkara 139 Perlembagaan.*

Perenggan (b) Fasal ini bertujuan memasukkan Fasal baru (1A) dalam Perkara ini untuk memastikan bahawa bidangkuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam meliputi anggota-anggota perkhidmatan awam am Persekutuan yang diambil bekerja dalam sesuatu jabatan persekutuan di Negeri Sabah atau Sarawak, atau yang menjadi anggota-anggota perkhidmatan awam Negeri itu tetapi dipinjamkan ke perkhidmatan awam am Persekutuan, atau yang menjadi anggota-anggota perkhidmatan awam Negeri itu tetapi berkhidmat dalam jawatan-jawatan persekutuan atau dalam mana-mana jawatan yang dijadikan jawatan persekutuan di Negeri itu dan yang telah membuat pilihan untuk menjadi anggota-anggota perkhidmatan awam am Persekutuan.

Perenggan (c) Fasal ini bertujuan meminda Fasal (4) Perkara ini untuk menambahkan bilangan ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dari dua belas menjadi tiga puluh.

Fasal-kecil (2) Fasal ini bertujuan memastikan yang anggota-anggota perkhidmatan awam Negeri Sabah atau Sarawak yang berkhidmat dalam jawatan-jawatan persekutuan atau dalam mana-mana jawatan yang dijadikan jawatan persekutuan di Negeri itu yang telah membuat pilihan untuk menjadi anggota perkhidmatan awam am Persekutuan hendaklah disifatkan sebagai telah ditukar atau dilantik menjadi anggota perkhidmatan awam Persekutuan.

10. *Fasal 10 Rang Undang-undang bertujuan memansuhkan Perkara 141 Perlembagaan dan dengan itu memansuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi. Fasal-kecil (2) Fasal ini bertujuan membuat peruntukan-peruntukan peralihan yang perlu.*

11. *Fasal 11 Rang Undang-undang bertujuan meminda Perkara 142 Perlembagaan untuk membuat peruntukan mengenai hilangkelayakan ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan mengikut garisan yang sama seperti Fasal 8 Rang Undang-undang mengenai Suruhanjaya Pilihanraya.*

Pindaan yang dibuat oleh perenggan (a) Fasal ini kepada Fasal (2) Perkara 142 bertujuan membuat, antara lain, peruntukan mengenai pemecatan ahli Suruhanjaya Perkhidmatan dengan perintah Yang di-Pertuan Agong jika berlaku sesuatu hilangkelayakan yang berbangkit di bawah Fasal (2) Perkara itu.

12. *Fasal 12 Rang Undang-undang bertujuan meminda Perkara 143 Perlembagaan berbangkit dari pindaan kepada Fasal (2) Perkara 142.*

13. *Fasal 13* Rang Undang-undang bertujuan memansuhkan Perkara 146B dan 146C Perlembagaan dan dengan itu memansuhkan cawangan-cawangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di Sabah dan Sarawak akibat dari pindaan yang hendak dibuat kepada Perkara 139.

14. *Fasal 14* Rang Undang-undang bertujuan meminda Perkara 149 Perlembagaan untuk membuat peruntukan mengenai sahnya sesuatu undang-undang yang dibuat di bawah Perkara 149 walaupun berlawanan dengan Perkara 13 Perlembagaan.

15. *Fasal 15* Rang Undang-undang bertujuan meminda Perkara 150 Perlembagaan dengan menggantikan Fasal (1) dan (2) Perkara itu dan memasukkan Fasal baru (2A), (2B), (2C), (8) dan (9).

Fasal (1) sebagaimana diganti membolehkan Perisytiharan Darurat dibuat jika ketenteraman awam dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya adalah terancam, selain dari peruntukan yang sedia ada berhubung dengan ancaman kepada keselamatan atau kehidupan ekonomi Persekutuan atau mana-mana bahagiannya.

Fasal (2) sebagaimana diganti bertujuan menerangkan dengan jelas yang Perisytiharan Darurat boleh dikeluarkan sebelum sebenarnya berlaku kejadian itu jika Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa ada kemungkinan yang hampir akan berlakunya kejadian itu.

Fasal baru (2A) bertujuan menerangkan dengan jelas yang Perisytiharan-perisytiharan Darurat yang berlainan boleh dikeluarkan atas alasan-alasan yang berlainan atau dalam hal-hal keadaan yang berlainan, dan sama ada terdapat Perisytiharan atau Perisytiharan-perisytiharan Darurat yang berkuatkuasa atau tidak.

Fasal baru (2B) bertujuan memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk mengisytiharkan ordinan-ordinan semasa perisytiharan darurat berkuatkuasa dan kedua-dua Majlis Parlimen tidak bersidang serentak.

Fasal baru (2C) bertujuan memperuntukkan bahawa ordinan yang diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Fasal (2B) hendaklah berkuatkuasa sama seperti Akta Parlimen dan akan terus berkuatkuasa sepenuhnya sehingga ianya dibatalkan atau dimansuhkan di bawah Fasal (3) atau sehingga ianya luput di bawah Fasal (7). Fasal ini juga bertujuan memastikan bahawa ordinan-ordinan yang diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong boleh menyentuh perkara-perkara yang Parlimen berkuasa membuat undang-undang mengenainya, tidak kira acara perundangan yang dikehendaki diikuti atau kadar bahagian dari jumlah undi yang dikehendaki diperolehi dalam mana-mana satu Majlis Parlimen.

Fasal baru (8) bertujuan memperuntukkan bahawa puas hati Yang di-Pertuan Agong di bawah Fasal (1) dan Fasal (2B) adalah terakhir dan muktamad dan tidak boleh dicabar atau dipersoal dalam mana-mana mahkamah atas apa-apa alasan. Fasal ini juga memperuntukkan bahawa tiada sesuatu mahkamahpun boleh

mempunyai bidangkuasa berhubungan dengan sahnya Perisytiharan yang dikeluarkan di bawah Fasal (1) atau apa-apa pengumuman yang dibuat dalam Perisytiharan itu, atau berkuatkuasa berterusan Perisytiharan itu, atau berhubungan dengan apa-apa ordinan yang diisytiharkan di bawah Fasal (2b) atau penerusan kuatkuasa mana-mana ordinan itu.

Fasal baru (9) menerangkan dengan jelas bahawa bagi maksud Perkara 150 Majlis-majlis Parlimen hendaklah dianggap sebagai bersidang hanya jika ahli tiap-tiap satu Majlis itu masing-masingnya berhimpun bersama dan menjalankan urusan Majlis itu.

16. *Fasal 16* Rang Undang-undang bertujuan meminda Jadual Kelapan Perlembagaan dan membuat peruntukan-peruntukan mengenai Dewan Undangan Negeri sesuatu Negeri mengikut garisan yang sama dengan Fasal 5 dan 6 Rang Undang-undang ini yang membuat peruntukan-peruntukan mengenai Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

17. *Fasal 17* Rang Undang-undang bertujuan meminda butiran 20 Senarai 1 Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan, memotong butiran 19 Senarai 2A Jadual itu, dan meminda butiran 9A Senarai 3, dan kesan kesemuanya pindaan ini ialah perkara mengenai pencegahan dan pamadaman api, termasuk perkhidmatan bomba dan pasukan bomba, dijadikan perkara persekutuan bagi seluruh Malaysia.

18. *Perenggan (a) Fasal 18* Rang Undang-undang bertujuan meminda Jadual Kesepuluh kepada Perlembagaan bagi memperuntukkan bahawa kadar-kadar yang kena dibayar mengenai pemberian ikut kepala itu mengambil kira pertambahan bilangan penduduk sesuatu Negeri pada tiap-tiap tahun. *Perenggan (c) Fasal 18* bertujuan meminda formula untuk menghitung pemberian jalan Negeri kepada Negeri-negeri dengan memperuntukkan bahawa perbatuan yang hendak diambil kira untuk hitungan hendaklah seperti yang ada pada 31hb Disember dalam tahun kewangan yang dahulunya dan belanja penyenggaraan mengikut hitung panjang adalah belanja penyenggaraan mengikut hitung panjang dalam Negeri itu.

19. *Fasal 19* Rang Undang-undang bertujuan meminda Perlembagaan mulai dari mula berkuatkuasanya Akta Perlembagaan (Pindaan) 1976 supaya membuat peruntukan untuk meminda perkataan "Gabnor" di mana jua ianya terdapat dalam Perlembagaan supaya berbunyi "Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri" dan membuat peruntukan untuk menggantikan perkataan-perkataan "Negeri² Borneo" di mana jua ianya terdapat dalam Perlembagaan dan juga menggantikan perbahasaan-perbahasaan berkaitan iaitu "suatu Negeri Borneo" dan "sa-suatu Negeri Borneo" dengan perbahasaan-perbahasaan sesuai yang masing-masing membuat rujukan mengenai Sabah dan Sarawak.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

[PN. (Terj.) 227 Pt. II.]